

Dr Asma terima Anugerah Kepemimpinan Pendidikan

Oleh **Ruhaiza Rusmin**
ruhaizarusmin@
mediaprima.com.my

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Asma Ismail dipilih salah seorang penerima Anugerah Kepemim-

pinan Pendidikan bersama penerima lain dari 63 negara seperti Sweden, Turki, Namibia, Brunei, Oman, Indonesia, India, Taiwan, Pakistan, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Mongolia.

Pemilihan itu bersempena penganjuran World Marketing Summit 2013

(WMS Malaysia 2013) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), baru-baru ini.

Anugerah itu bagi memberi pengiktirafan kepada pencapaian individu dan organisasi yang memberi sumbangan besar kepada pembangunan pendidikan.



KEJAYAAN Dr Asma (tengah) bukan saja membanggakan USIM malah negara kerana meletakkan nama di persada pendidikan bertaraf dunia.